

- 1 Gambar 1 menunjukkan satu faktor pengeluaran dalam projek pembinaan.



Gambar 1

Mengapakah faktor pengeluaran di atas menerima ganjaran upah?

- A Menyediakan peluang pekerjaan
 B Mengeluarkan barang dan perkhidmatan
 C Menggabungkan faktor-faktor pengeluaran
 D Menyumbangkan tenaga fizikal dan mental
- 2 Maklumat di bawah berkaitan dengan masalah ekonomi.

Amira terpaksa membuat satu pembelian sahaja akibat tidak berkemampuan untuk membeli baju kurung dan baju kebaya.

Tindakan tersebut menyebabkan beliau.....

- A melepaskan pilihan kedua terbaik
 B terpaksa membuat satu pilihan terbaik
 C menghadapi ketidakcukupan pendapatan
 D Tidak mampu memaksimumkan kepuasan

- 3 Jadual di bawah berkaitan dengan pengeluaran oleh sebuah syarikat.

Teknik Pengeluaran	Kicap (unit)	Cuka (unit)
R	200	800
S	500	600
T	800	200

Berapakah kos lepas jika syarikat tersebut mengubah teknik pengeluaran S kepada T?

- A 200 unit cuka
 B 400 unit cuka
 C 300 unit kicap
 D 800 unit kicap
- 4 Masalah asas ekonomi 'berapa yang hendak dikeluarkan' diselesaikan oleh ekonomi Islam melalui
- A corak agihan pendapatan masyarakat
 B permintaan yang tinggi dalam pasaran
 C keperluan masyarakat yang berlandaskan hukum syariat
 D sistem catuan yang berdasarkan kepada keperluan masyarakat
- 5 Mengapakah sistem ekonomi pasaran bebas lebih baik daripada sistem ekonomi perancangan pusat?
- A. Sumber diagihkan secara adil
 B. Keseimbangan agihan pendapatan
 C. Pengeluaran barang berskala besar
 D. Kecekapan dalam penggunaan sumber

- 6 Pilih pasangan yang benar tentang cara penyelesaian masalah asas ekonomi oleh dua sistem ekonomi.

	Penyelesaian Masalah	Sistem Ekonomi	
	Asas Ekonomi	Sosialis	Campuran
A	Apa yang hendak dikeluarkan	Ditentukan oleh kerajaan	Ditentukan oleh pengguna
B	Berapa yang hendak dikeluarkan	Ditentukan oleh kerajaan	Ditentukan oleh kuasa beli dan campur tangan kerajaan
C	Bagaimana hendak dikeluarkan	Intensif buruh untuk memaksimumkan keuntungan	Intensif modal untuk memaksimumkan kebajikan
D	Untuk siapa dikeluarkan	Untuk semua rakyat	Mengikut corak agihan pendapatan

- 7 Antara yang berikut, yang manakah akan mengurangkan permintaan terhadap pakej pelancongan ke luar negara?

- I Kejatuhan pendapatan individu
- II Ketibaan cuti persekolahan
- III Penurunan kadar cukai pendapatan individu
- IV Tambang penerbangan dijangka akan menurun pada masa depan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV


- 8 Maklumat berikut berkenaan dengan permintaan buah durian pada bulan tertentu.

Pada harga RM2 sekilogram, permintaan bagi buah durian ialah 50 kilogram. Apabila harga buah durian meningkat kepada RM4 sekilogram, permintaan buah durian berkurang sebanyak 15 kilogram. Manakala ketika harga buah durian turun kepada RM1 sekilogram, permintaan buah durian bertambah sebanyak 10 kilogram.

Antara jadual berikut yang manakah betul bagi menggambarkan keadaan permintaan durian pada bulan tersebut?

	Harga (RM)	Kuantiti (kg)
A	4	50
	2	15
	1	10
B	4	80
	2	50
	1	35
C	4	35
	2	50
	1	60
D	4	15
	2	50
	1	80

9. Rajah berikut menunjukkan keseimbangan dalam pasaran barangan.



Apakah akan terjadi jika berlaku peralihan keluk penawaran dari S_0 ke S_1 ?

- A Harga keseimbangan akan meningkat
 B Kuantiti keseimbangan akan berkurang
 C Harga keseimbangan akan menurun
 D Harga dan kuantiti keseimbangan akan naik
10. Jadual menunjukkan harga dan kuantiti diminta sesuatu barang di pasaran.

Harga (RM)	Kuantiti diminta (kg)
6	30
12	10

Berapakah nilai keanjalan harga permintaan apabila harga berubah dari RM6 ke RM12?

- A 0.67
 B 0.76
 C 1.33
 D 1.50

11. Penawaran suatu barang cenderung menjadi anjal jika.....

- A. bilangan firma yang sedikit
 B. pertambahan kos pengeluaran yang sedikit
 C. faktor pengeluaran sukar ditukar gantikan
 D. jangka masa yang singkat

12. Maklumat berikut menerangkan tentang peranan bank pusat.

- Memberi pendahuluan sementara
- Memberi nasihat pelaburan
- Mengurus pertukaran asing

Apakah fungsi bank pusat berdasarkan maklumat tersebut?

- A Sebagai jurubank kepada kerajaan
 B Sebagai pengawal kestabilan ekonomi
 C Sebagai jurubank kepada bank perdagangan
 D Sebagai pengawal kestabilan nilai mata wang

13. Logo di bawah menunjukkan satu institusi kewangan yang berdaftar di Malaysia.




Antara yang berikut, manakah yang merupakan fungsi institusi kewangan tersebut sebagai penerima deposit akaun simpanan?

- I Menyimpan jumlah minimum yang rendah
- II Faedah yang diberikan lebih rendah
- III Boleh mengeluarkan wang simpanan bila-bila masa
- IV pendeposit diberikan buku cek

- A I,II dan IV
- B I,II dan III
- C I,III dan IV
- D II,III dan IV

14. Maklumat di bawah berkaitan dengan pemilihan pekerjaan individu.



Bayaran lumayan akan ditawarkan kepada mereka yang berjaya dalam temu duga
Kelulusan diploma atau kelayakan lain yang setara diperlukan
Sesiapa yang berminat, sila hubungi Mr Ang (0199865623)

Antara berikut, yang manakah mungkin merupakan faktor yang menarik minat Encik Amir untuk memohon jawatan tersebut?

- I Upah wang
- II Kelayakan akademik
- III Faedah sampingan
- IV Waktu bekerja

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

15. Gambar yang berikut berkaitan dengan iklan pekerjaan.



JAWATAN KOSONG
KELAYAKAN SPM/ DIPLOMA
GAJI DITAWARKAN RM 1,500 – RM 4,000
PELBAGAI NEGERI

Manakah yang **bukan** faktor yang mempengaruhi pemilihan pekerjaan tersebut?

- A Upah benar
- B Waktu kerja
- C Faedah sampingan
- D Kelayakan akademik

16. Antara yang berikut, yang manakah merupakan pasangan yang tepat?

	Keperluan	Kehendak
A	Harga barang biasanya dikawal oleh kerajaan	Harga barang kehendak ditentukan oleh kuasa permintaan dan penawaran pasaran
B	Barang keperluan mempunyai banyak pilihan	Barang kehendak adalah terhad kepada beberapa jenis barang sahaja
C	Barang keperluan adalah penting untuk mencapai kehidupan yang selesa dan mewah	Barang kehendak bertujuan untuk mencapai kesejahteraan hidup yang minimum
D	Dipengaruhi oleh tingkat pendapatan individu	Tidak dipengaruhi oleh tingkat pendapatan individu

17. Apakah kelemahan menggunakan tunai dalam sesuatu urus niaga?
- Diterima secara meluas dalam urus niaga
 - Tidak sesuai membeli barang yang mahal seperti kereta
 - Menikmati harga yang murah kerana tidak melibatkan faedah
 - Memperoleh diskaun tunai mengikut syarat yang ditentukan

18. Berdasarkan jadual di bawah, pilih risiko pulangan yang tepat berkaitan pelaburan....

A	Hartanah	Memperolehi pulangan dalam bentuk sewa
B	Saham	Memperolehi faedah dari kerajaan
C	Sekuriti pinjaman	Memperolehi aset tetap
D	Unit amanah	Memperolehi gaji dan upah

19. Tujuan pengeluaran adalah untuk

- memaksimumkan keuntungan
- meminimumkan kos pengeluaran
- memaksimumkan kepuasan pengguna
- memenuhi keperluan dan kehendak pengguna

20. Bagaimanakah hukum pulangan berkurangan berlaku dalam pengeluaran firma.

- Jumlah keluaran meningkat sehingga mencapai titik maksimum dan mula menurun
- Jumlah keluaran semakin meningkat apabila penggunaan input tetap bertambah
- Jumlah keluaran semakin menurun jika input berubah di tambah berterusan ke atas output
- Berlaku kemajuan teknologi

21. Maklumat berikut berkaitan bantuan yang disalurkan oleh kerajaan.



Apakah kesan daripada bantuan tersebut?

- meningkatkan perbelanjaan kerajaan
- menyebabkan individu malas bekerja
- dapat membeli barang-barang keperluan
- meringankan beban kewangan masyarakat

- I dan II
- I dan III
- II dan IV
- III dan IV

22. Antara berikut, yang manakah merupakan tindakan kerajaan mengawal eksternaliti negatif?

- Memberi subsidi kepada pengeluar automobil tempatan
- Mengenakan cukai yang tinggi untuk pembeli kereta elektrik
- Mengurangkan cukai penggunaan untuk produk minyak seperti gasolin dan diesel
- Memberi insentif cukai untuk pengeluar yang menggunakan teknologi hijau

23. Pernyataan dalam bentuk berkaitan dengan salah satu sekatan perdagangan antarabangsa.

Sekatan dalam bentuk undang-undang dan peratuaran di sebuah negara.

Apakah sekatan perdagangan antarabangsa dalam pernyataan di atas?

- A Tarif
 B Embargo
 C Sekatan bukan ekonomi
 D Kawalan pertukaran asing
24. Apakah kesan yang akan berlaku jika kadar inflasi meningkat daripada 0.58% kepada 2.5%?
- I Peluang pekerjaan menurun
 II Kuasa beli masyarakat meningkat
 III Pendapatan benar masyarakat menurun
 IV Nilai wang yang dipegang oleh isi rumah merosot
- A I dan II
 B I dan III
 C II dan IV
 D III dan IV
25. Situasi manakah yang menyebabkan pengangguran kitaran?
- A Pekerja yang hilang pekerjaan kerana terlalu memilih pekerjaan
 B Pekerja yang meletakkan jawatan untuk mengharapkan pekerjaan lain
 C Pekerja yang hilang pekerjaan semasa kemelesetan ekonomi
 D Pekerja yang menghadapi kekurangan kemahiran

26. Pernyataan manakah yang berkaitan dengan cukai tak langsung?

- A Cik Ayu membayar duti setem apabila menandatangani surat perjanjian pembelian rumah.
 B Syarikat Toto Berhad membayar cukai korporat kepada kerajaan
 C Encik Ahmad membayar cukai 10 % ke atas barang akhir
 D Petronas membayar 38% daripada jumlah pendapatan syarikat kepada kerajaan

27. Apakah kesan jika kerajaan mewujudkan belanjawan defisit?

- A. Wujud peluang pekerjaan
 B. Kuasa beli terjejas
 C. Pendapatan boleh guna terjejas
 D. Mengurangkan perbelanjaan mengurus

28. Situasi berikut berkaitan dengan satu keadaan ekonomi.

60,000 pekerja telah diberhentikan pada tahun 2020

Antara yang berikut, Tindakan alat dasar kewangan yang manakah dapat mengatasi keadaan tersebut?

- I Menurunkan kadar cukai
 II Melonggarkan syarat sewa beli
 III Memanjangkan tempoh bayaran balik
 IV Mengurangkan jumlah perbelanjaan kerajaan

- A I dan II
 B I dan IV
 C II dan III
 D III dan IV

29. Antara berikut, manakah yang merupakan tindakan kerajaan Malaysia untuk menggalakkan globalisasi?

- I Mengadakan perjanjian dua hala antara Malaysia dengan China
- II Memulaukan barang yang diimport dari negara asing
- III Membatalkan pemberian visa kepada pelancong dari Korea Utara
- IV Mewujudkan Zon Perdagangan Bebas Digital (DFTZ)

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

30. Pernyataan manakah yang menjelaskan kepentingan perdagangan antarabangsa terhadap peningkatan Keluaran Dalam Negara Kasar?

- A Menggalakkan mobiliti tenaga buruh
- B Menikmati barang dengan harga yang lebih murah
- C Menggalakkan pemindahan dan penggunaan teknologi
- D Memperoleh barang yang tidak dikeluarkan di dalam negara.

31. Pernyataan dalam bentuk berkaitan dengan salah satu sekatan perdagangan antarabangsa.

Sekatan dalam bentuk undang-undang dan peratuaran di sebuah negara.

Apakah sekatan perdagangan antarabangsa dalam pernyataan di atas?

- A Tarif
- B Embargo
- C Sekatan bukan ekonomi
- D Kawalan pertukaran asing

32. Jadual menunjukkan nilai eksport barang nampak dan nilai import nampak bagi negara X. Apakah yang boleh ditafsirkan daripada pengiraan nilai di bawah.

Eksport	Import
RM1 550 juta	RM1 150 juta

- A Defisit imbalan akaun semasa
- B Defisit imbalan akaun perdagangan
- C Lebihan imbalan akaun perkhidmatan
- D Lebihan imbalan akaun dagangan

33. Apakah kesan lebihan akaun semasa terhadap ekonomi di sebuah negara?

- A Penurunan taraf hidup
- B Upah nominal meningkat
- C Penurunan kadar pertukaran asing
- D Tingkat harga umum meningkat

34. Maklumat yang berikut berkaitan dengan urus niaga pertukaran asing antara Ringgit Malaysia dengan baht Thailand.

Unit	Harga belian (RM)	Harga jualan(RM)
100	3.6559	3.6597

Firma KOKO dari Malaysia membeli sebuah jentera kilang yang berharga RM90,000 dari Thailand. Berapakah jumlah baht Thailand diperlukan untuk pembayaran tersebut?

- A 2.459 juta
- B 2.461 juta
- C 32.90 juta
- D 32.94 juta

35. Maklumat di bawah berkaitan kadar pertukaran asing.

Tarikh	Kadar Pertukaran
1.1.2020	US\$1 = RM3.80
1.5.2020	US\$1 = RM3.30

Berdasarkan jadual di bawah, apakah kesan perubahan kadar pertukaran asing ke atas import dan eksport Malaysia?

- A Import bertambah dan eksport berkurang
 B Import bertambah dan eksport bertambah
 C Import berkurang dan eksport bertambah
 D Import berkurang dan eksport berkurang

Pilihan jawapan bagi Soalan 36 hingga Soalan 40 berdasarkan jadual berikut.

Pilihan	Pernyataan I	Pernyataan II
A	Betul	Salah
B	Salah	Betul
C	Betul	Betul
D	Salah	Salah

36. I Barang mewah adalah permintaan tak anjal.
 II Barang yang banyak pengganti adalah permintaan tak anjal.
37. I Overdraif adalah kemudahan pinjaman yang diberi kepada pemegang akaun simpanan tetap.
 II Kemudahan overdraif membolehkan pelanggan mengeluarkan wang melebihi baki dalam akaun setakat had yang diluluskan oleh bank.
38. I Individu boleh memilih untuk menyimpan dalam akaun semasa, akaun tabungan atau akaun simpanan tetap di bank perdagangan,
 II Pemegang unit amanah dibayar dividen dan bonus saham.

39. I KDNK ialah jumlah nilai barang dan perkhidmatan yang dikeluarkan oleh semua faktor pengeluaran dalam sesebuah negara dalam tempoh setahun
 II KDNK dihitung melalui pendekatan perbelanjaan dan pendekatan keluaran
40. I Cukai langsung merupakan sejenis cukai yang cukainya boleh dipindahkan kepada orang lain
 II Levi pekerja asing merupakan contoh cukai langsung

KERTAS SOALAN TAMAT